

PENENTU KONFLIK ANTARA AGAMA DALAM KALANGAN MASYARAKAT KADAZANDUSUN DI RANAU, SABAH: SATU ANALISIS KONTEKSTUAL DAN SOSIAL

DETERMINANTS OF INTERRELIGIOUS CONFLICT AMONG THE KADAZANDUSUN COMMUNITY IN RANAU, SABAH: A CONTEXTUAL AND SOCIAL ANALYSIS

Nur Azian Aratin¹
Nur Farhana Abdul Rahman²
Yusri Mohamad Ramli³
Jaffary Awang^{4*}

¹ Pusat Kajian Usuluddin dan Falsafah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor, Malaysia. (E-mail: p115279@siswa.ukm.edu.my)

² Pusat Kajian Usuluddin dan Falsafah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor, Malaysia (E-mail: nfarhana@ukm.edu.my)

³ Pusat Kajian Usuluddin dan Falsafah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor, Malaysia (E-mail: yusri_mr@ukm.edu.my)

⁴ Pusat Kajian Usuluddin dan Falsafah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor, Malaysia (E-mail: jaffary@ukm.edu.my)

*Corresponding author: jaffary@ukm.edu.my

Article history

Received date : 3-4-2026
Revised date : 4-4-2026
Accepted date : 24-4-2026
Published date : 15-5-2026

To cite this document:

Aratin, N. A., Abdul Rahman, N. F., Ramli, Y. M., & Awang, J. (2026). Penentu konflik antara agama dalam kalangan masyarakat Kadazandusun di Ranau, Sabah: Satu analisis kontekstual dan sosial. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 11 (82), 338-355.

Abstrak: Sabah terkenal dengan negeri yang kaya dengan kepelbagaian etnik, kaum, budaya dan anutan agama yang berbeza. Dalam kehidupan masyarakat Sabah turut ditemui hubungan kekeluargaan yang mempunyai pelbagai anutan agama yang berbeza sehingga membolehkan masyarakat saling menerima antara satu sama lain. Namun keharmonian yang terbina dalam kehidupan masyarakat beragama di Sabah turut berdepan dengan pelbagai ancaman apabila isu-isu keagamaan turut dibincangkan menerusi media sosial sejak akhir-akhir ini. Hal ini menimbulkan kebimbangan kerana boleh menggugat keharmonian dalam kalangan penganut agama di Sabah jika tidak dikendalikan dengan cara yang betul. Tidak dinafikan pengaruh persekitaran sosial turut mempengaruhi konflik dalam kalangan penganut agama di Sabah. Oleh itu, artikel ini membincangkan dapatan analisis faktor-faktor yang mempengaruhi konflik antara penganut agama di Sabah khususnya dalam kalangan masyarakat Kadazandusun di Sabah.

Kata Kunci: Toleransi Beragama; Pengurusan Konflik Agama; Pengurusan Pertikaian Alternatif; Kadazandusun; Sabah

Abstract: *Sabah is widely recognised as a state characterised by rich ethnic, racial, cultural, and religious diversity. Within its social setting, it is not uncommon to find families whose members adhere to different religions, a reality that has fostered a strong sense of mutual acceptance and peaceful coexistence among its people. However, the harmony that has long been established within Sabah's multireligious society is increasingly being challenged, particularly with the rise of religious discussions on social media in recent years. This development raises important concerns, as it has the potential to disrupt interreligious harmony if not managed with care and sensitivity. In addition, the surrounding social environment plays a significant role in shaping and, at times, intensifying conflicts among religious adherents in Sabah. Therefore, this article discusses the findings of an analysis of the factors influencing interreligious conflict in Sabah, particularly among the Kadazandusun community in Sabah.*

Keywords: *Religious Tolerance; Religious Conflict Management; Alternative Dispute Resolution; Kadazandusun; Sabah*

Pengenalan

Sabah merupakan sebuah negeri yang kaya dengan kepelbagaian etnik, suku kaum, budaya dan anutan agama yang berbeza. Dalam kehidupan masyarakat Sabah turut ditemui institusi kekeluargaan yang mempunyai pelbagai anutan agama yang berbeza. Namun, mereka boleh menjalankan kehidupan yang harmoni, tanpa berlaku sebarang pergaduhan, perpecahan dan pecah belah dan saling menerima antara satu sama lain walaupun berlainan kepercayaan. Begitu juga dalam kehidupan masyarakat Kadazandusun yang lebih cenderung untuk menganuti agama Islam dan Kristian (Sintang, 2003) namun mereka tetap bersatu hati apabila melibatkan upacara dan perayaan yang dirayakan secara bersama seperti sambutan Tadau Kaamatan. Masyarakat Kadazandusun ini akan merayakan perayaan Tadau Kaamatan setiap tahun pada bulan Mei. Hal ini membolehkan masyarakat untuk saling mengenali dan bekerjasama. Namun, sejak kebelakangan ini isu keagamaan juga merupakan topik yang hangat dibincangkan. Bukan sahaja dalam penulisan ilmiah, tetapi juga dalam media sosial yang dianggap mampu menggugat keharmonian antara penganut agama. Oleh itu, adalah relevan kajian terhadap faktor kemunculan isu dan konflik kalangan penganut agama di Sabah dijalankan bagi mengekalkan keharmonian yang terbina dalam kalangan masyarakat di Sabah.

Latar Belakang Kehidupan Beragama Masyarakat Kadazandusun

Berdasarkan yang diperolehi daripada Jabatan Perangkaan Malaysia pada tahun 2020 mendapati bahawa jumlah penduduk dalam negeri Sabah adalah sebanyak 3.91 juta dengan kepadatan penduduk sebanyak 153/km (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2020). Walaupun terdapat pelbagai kumpulan etnik di Sabah (Sintang, 2003: 51). Namun etnik yang dominan adalah etnik Kadazandusun dengan jumlahnya seramai 660,777 daripada jumlah keseluruhan penduduk dalam negeri Sabah 3,418,800 (*Buku Tahunan Perangkaan Sabah 2021, 2022*). Penempatan etnik Kadazandusun dalam negeri Sabah juga meliputi hampir keseluruhan residensi di Sabah termasuklah daerah Ranau, Kota Belud, Tuaran, Penampang, Keningau dan Tambunan. Manakala kawasan utama penempatan etnik Kadazandusun di Sabah adalah daerah Ranau yang mana 78% penduduknya adalah daripada etnik Kadazandusun (*Buku Tahunan Perangkaan Sabah 2021, 2022*). Justeru, fokus utama kajian ini adalah masyarakat Kadazandusun yang tinggal dalam daerah Ranau di Sabah.

Sebelum kedatangan kehidupan beragama dalam kehidupan masyarakat Kadazandusun di Sabah pada abad ke-15 masihi, etnik Kadazandusun mengamalkan kehidupan animisme iaitu

percaya kepada roh atau semangat yang terdapat di sekeliling sama ada hutan, sungai dan pokok kerana mereka mempercayai bahawa unsur-unsur tersebut mempunyai kuasa Identiti agama yang dianuti oleh etnik Kadazandusun ini juga agak sukar ditentukan disebabkan timbul kekeliruan yang mana etnik ini bukan sahaja diidentitikan sebagai bumiputera bukan Islam, malah etnik ini turut digelar sebagai Islam mualaf dalam konteks sejarah perkembangan dakwah Sabah. Bahkan sehingga kini masih terdapat segelintir masyarakat daripada etnik Kadazandusun yang tidak mempunyai pegangan agama (pagan). Fenomena tersebut jelas memperlihatkan bahawa masyarakat Kadazandusun mempunyai satu keunikan dalam penganutan agama (Yusin, 1990). Namun selepas kemasukan kehidupan beragama dalam kehidupan masyarakat Sabah. Etnik Kadazandusun turut menerima suatu perubahan yang sangat besar. Di mana, etnik ini turut menerima kemasukan pelbagai agama seperti agama Islam, Kristian, Hindu, Buddha, Taoisme dan masih wujud masyarakat yang kekal dengan budaya pagan dan mengamalkan kepercayaan animisme.

Medium yang digunakan untuk menyebarkan ajaran agama dalam kalangan etnik Kadazandusun juga berbeza kerana pelbagai inisiatif telah dilakukan bagi menarik minat masyarakat untuk menganuti agama Islam, Kristian, Hindu, Budha dan lain-lain. Namun menurut tinjauan terhadap kajian-kajian lepas, didapati bahawa kecenderungan etnik ini untuk menganuti agama Islam dan Kristian adalah lebih tinggi berbanding agama lain (Sintang, 2003). Penganutan agama Islam dan Kristian yang tinggi dalam kalangan masyarakat Kadazandusun berbanding agama lain ini bukannya ditentukan oleh faktor keturunan atau warisan. Sebaliknya ia dipengaruhi oleh beberapa faktor lain. Antaranya sejarah kedatangan dan penyebaran agama Islam dan Kristian dalam mempengaruhi senario konversi masyarakat Kadazandusun daripada Pagan kepada Islam atau Kristian. Berdasarkan sejarah kemasukan agama di Sabah, agama Islam merupakan agama yang terlebih dahulu bertapak di Sabah berbanding agama Kristian.

Namun dalam etnik Kadazandusun ini, agama Kristian lebih dahulu diterima berbanding agama Islam. Hal ini berlaku disebabkan etnik Kadazandusun menjadi sasaran utama pihak penjajah dalam misi penyebaran ajaran agama Kristian pada zaman penjajahan Sabah. Bagi menarik minat masyarakat Kadazandusun untuk menganuti agama Kristian pada ketika itu pelbagai bentuk kemewahan dan janji manis telah ditaburkan kepada mereka sehingga membuat masyarakat lebih memilih untuk menganuti agama Kristian (Kib, 2003). Oleh itu, Faktor sejarah kedatangan, penyebaran dan penerimaan agama Islam dan Kristian merupakan pemangkin utama kearah wujudnya variasi anutan agama dalam kalangan Masyarakat Kadazandusun Sabah. Selain itu, perbezaan jangka masa penerimaan agama dan sokongan dari pihak penjajah Inggeris turut menyumbang kepada nisbah bilangan penganut agama Kristian melebihi penganut Islam (Sintang, 2003: 7).

Isu-isu Keagamaan di Ranau, Sabah

Berdasarkan tinjauan terhadap kajian-kajian lepas mendapati terdapat beberapa kajian yang membincangkan tentang isu-isu sensitiviti keagamaan khususnya dalam konteks negeri Sabah. Antaranya, kajian Mohad et al. (2015) yang membincangkan tentang isu kalimah Allah yang bertujuan untuk memahami sikap masyarakat Kristian terhadap masyarakat Islam di Sabah sejurus selepas berlakunya kebangkitan isu kalimah Allah yang telah menimbulkan rasa tidak puas hati dalam kalangan masyarakat Muslim dan Kristian di Semenanjung. Kajian mendapati hubungan antara masyarakat Muslim dan Kristian di Sabah berada dalam keadaan baik selepas kebangkitan isu tersebut seolah-olah isu kalimah Allah tidak memberi sebarang impak negatif terhadap hubungan antara penganut agama di Sabah.

Selain itu, terdapat beberapa isu keagamaan yang dipaparkan dalam media sosial sehingga menimbulkan kemarahan dan rasa tidak puas hati dalam kalangan penganut agama yang terlibat. Antaranya, isu amalan agama melibatkan isu ibadah korban (Suhaini, 2017), isu azan subuh yang masih berulang (*Sinar Harian*, 2021; Tahir, 2021), isu tanda salib (Johari, 2015; Anon, 2015) serta Isu merosakkan peralatan gereja St Francis Xavier di Keningau (Mustadi, 2022). Isu sosial dan kemasyarakatan pula melibatkan tindakan menghidangkan makanan yang dilarang dalam agama seseorang kepada individu tersebut (Zakinan, 2018; Bakar, 2018), isu pemotongan daging babi di atas tempat pemotongan daging ayam (Noh, 2021). Sedangkan isu-isu lain melibatkan isu menghina adat Kadazandusun yang melibatkan Isu penghinaan baju tradisi kaum Iban (Mayudin, 2024), isu pencampuran troli di pasaraya (Han, 2021) serta isu kritikan terhadap pakaian tradisi masyarakat (Asri, 2017; Zulkiffly, 2021). Daripada tinjauan kajian lepas di atas jelas menunjukkan bahawa kemunculan isu-isu keagamaan tetap berlaku dalam kehidupan beragama masyarakat Kadazandusun di Sabah.

Kajian yang dijalankan oleh Chee et al. (2021) mendapati bahawa antara punca-punca yang mendorong kepada kebangkitan isu-isu perpaduan antara agama dan kaum adalah pengaruh politik, perbezaan dalam budaya, kesefahaman agama serta pengaruh media sosial. Bahkan kajian yang dijalankan oleh Kirman et al. (2021) turut mendapati pelajar lelaki cenderung dipengaruhi oleh media massa, sedangkan pelajar perempuan cenderung dipengaruhi oleh rakan sebaya. Namun tingkah laku individu pula banyak dipengaruhi oleh tiga faktor yang utama seperti media massa, rakan sebaya dan juga diri sendiri dan tidak berlaku perbezaan jantina antara lelaki mahupun perempuan dalam faktor sosialisasi yang boleh mempengaruhi tingkah laku agresif. Kajian yang dijalankan sebelum ini jelas menunjukkan bahawa kemunculan isu-isu keagamaan mempunyai hubungkait dengan persekitaran sosial. Justeru kajian ini dijalankan untuk melihat faktor-faktor yang boleh mempengaruhi kemunculan konflik antara penganut agama Islam dan Kristian khususnya dalam kalangan masyarakat Kadazandusun di Ranau, Sabah.

Permasalahan Kajian & Metodologi

Terdapat beberapa masalah berbangkit berkaitan dengan pengaruh persekitaran terhadap kemunculan konflik antara penganut agama Islam dan Kristian di Sabah. Antaranya pengaruh parti politik dalam memainkan sentimen keagamaan, kemasukan parti politik berunsur keagamaan sehingga menimbulkan ketidakselesaan dalam kalangan penganut agama di Sabah. Selain itu, penyebaran agama Islam oleh parti USNO sehingga menimbulkan rasa tidak puas hati dalam kalangan penganut yang beragama Kristian. Tidak dinafikan banyak penyelesaian telah dilaksanakan khasnya melalui penyelesaian secara alternatif yang melibatkan rundingan, mediasi mahupun arbitrase, namun penyelesaian ini tetap mendapat cabaran seperti gangguan pihak ketiga, kekurangan kemahiran mediator dari konteks dan budaya setempat di mana isu tadi muncul bahkan kadangkala tidak mendapat kerjasama dari pihak yang bertikai (Rahman et al., 2024: 144-145). Melihat kepada isu serta permasalahan yang berbangkit menunjukkan bahawa terdapat faktor norma subjektif yang boleh mempengaruhi kemunculan konflik antara penganut agama di Sabah yang mana sekaligus menjadi cabaran kepada pengurusan konflik beragama di kawasan yang terlibat. Justeru, artikel ini membincangkan dan menganalisis faktor penentu yang menjadi punca dan cabaran dalam pengurusan konflik agama dalam hubungan Muslim-Kristian bagi masyarakat Kadazandusun Sabah.

Penulisan ini membincangkan dapatan kajian Kuantitatif dengan pengumpulan data melalui kajian lapangan. Soalan soal selidik telah diedarkan kepada responden kajian yang terdiri daripada penganut agama Islam dan Kristian dalam kalangan Masyarakat Kadazandusun. Bagi

mengukuhkan lagi data yang telah diperolehi melalui soal selidik, temu bual telah dijalankan ke atas pemimpin agama dan kaum. Segala maklumat dan data yang diperolehi telah dianalisis melalui analisis deskriptif bagi menjawab permasalahan kajian yang dibangkitkan.

Hasil dan Perbincangan

Kajian ini memilih menggunakan kerangka Teori Tingkah Laku Terancang (TPB) (Ajzen, 1991). Fokus utama teori ini adalah membantu manusia yang rasional dalam mempertimbangkan tindakan mereka serta mengetahui implikasi daripada tindakan yang dilakukan. Berdasarkan Teori Tingkah Laku Terancang ini, penentu terpenting bagi perilaku seseorang adalah niat. Niat individu untuk menampilkan sesuatu tingkah laku adalah berdasarkan pertimbangan terhadap aspek-aspek berikut: (1) Sikap terhadap tingkah laku iaitu kepercayaan peribadi terhadap tingkah laku tertentu; (2) Norma Subjektif iaitu tekanan sosial daripada persekitaran untuk melakukan ataupun tidak sesuatu tindakan dan; (3) Jangkaan Kawalan Tingkah Laku iaitu rasa keberkesanan diri atau keupayaan untuk melaksanakan tingkah laku masing-masing (Ajzen, 1991). Ketiga-tiga faktor iaitu sikap, norma subjektif dan jangkaan kawalan tingkah laku yang telah dicadangkan oleh Ajzen (1991) akan menentukan kesediaan individu untuk melakukan tingkah laku masing-masing. Namun kajian ini hanya membincangkan tentang pengaruh norma subjektif terhadap konflik antara penganut agama di Sabah.

Menurut Teori Tingkah Laku Terancang (TPB), norma subjektif merujuk kepada kepercayaan normatif terhadap sesuatu tingkah laku. Kepercayaan ini diperolehi daripada orang lain yang dianggap penting. Individu-individu tersebut juga berpotensi menjadi pendorong atau penghalang seseorang dalam melakukan sesuatu tingkah laku. Individu penting termasuklah ibu bapa, pasangan, rakan-rakan rapat, rakan sekerja dan juga pakar-pakar dalam sesuatu tingkah laku. Aspek norma subjektif ini turut menjelaskan bahawa seseorang cenderung melakukan sesuatu tingkah laku sekiranya orang sekelilingnya mendorong dan menyokong tingkah laku tersebut untuk dilakukan. Begitu juga sebaliknya, seseorang cenderung untuk tidak melakukan sesuatu tingkah laku sekiranya tingkah laku tersebut mendapat tentangan daripada orang sekeliling (Ajzen, 1991). Norma subjektif juga dikenali sebagai norma sosial yang merujuk kepada tekanan sosial yang menjadi rujukan buat seseorang sebelum membuat keputusan (Ajzen, 1991).

Menurut Rhodes, Macdonald dan McKay (2006) dalam kalangan remaja, rakan merupakan penentu bagi seorang remaja untuk melakukan sesuatu tindakan terutamanya rakan sebaya. Manakala bagi orang dewasa didapati bahawa pasangan dan rakan sebaya merupakan penggalak utama kepada mereka dalam melaksanakan sesuatu tingkah laku yang dikehendaki (Fishbein & Rhodes, 1997). Norma subjektif ini juga berfungsi dalam dua keadaan yang dinamakan norma injuktif dan deskriptif. Norma injuktif merujuk kepada tekanan sosial yang berkaitan dengan tingkah laku berasaskan tanggapan kepada perkara yang orang lain mahukan. Manakala, norma deskriptif berasaskan pemerhatian dan pertimbangan terhadap tingkah laku orang sekeliling yang dekat dengan kehidupan seseorang dan kebiasaannya berlaku interaksi antara individu dengan kelompok berkenaan. Oleh itu, dalam kajian ini norma subjektif digunakan untuk melihat faktor yang mempengaruhi konflik dalam kalangan penganut agama di Sabah.

Dalam menentukan tahap terhadap faktor norma subjektif, kajian ini akan merujuk pada skor min dan interpretasi skor min yang dinyatakan dalam kajian (Ahmad, 2002) menentukan tahap pengaruh norma subjektif terhadap konflik. Berdasarkan kajian tersebut, nilai min yang

dicatatkan adalah antara 1.00 hingga 2.33 bermakna faktor tersebut berada pada tahap yang rendah dalam mempengaruhi konflik antara penganut agama di Sabah. Bacaan min faktor norma subjektif yang berada pada 2.34 sehingga 3.66 berada pada tahap sederhana dalam mempengaruhi konflik antara penganut agama. Sekiranya nilai min yang diperolehi adalah antara 3.67 hingga 5.00 hasil dapatan kajian bahawa faktor tersebut berada pada tahap yang tinggi dalam mempengaruhi konflik antara penganut agama di Sabah. Secara ringkasnya, skor min dan interpretasi skor min dinyatakan dalam jadual 3.14 di bawah:

Jadual 1: Interpretasi Skor Min

Skor Min	Interpretasi Skor Min
3.67 – 5.00	Positif / Tinggi
2.34 – 3.66	Neutral / Sederhana
1.00 – 2.33	Negatif / Rendah

Sumber: Ahmad (2002)

Dalam memperolehi maklumat berkenaan pengaruh faktor norma subjektif (persekitaran sosial) terhadap konflik antara penganut agama di Ranau, Sabah. Soalan soal selidik telah diedarkan kepada penganut agama. Bagi mengukuhkan lagi hasil dapatan soal selidik yang telah diperolehi, temu bual turut dijalankan ke atas pemimpin agama dan kaum di Sabah. Berikut merupakan perbincangan hasil dapatan kajian yang merangkumi hasil soal selidik dan temu bual yang telah diperolehi.

Dapatan Soal Selidik

Konstruk bagi soalan “Pengaruh norma subjektif (persekitaran sosial) terhadap konflik antara penganut agama di Ranau, Sabah” terdiri daripada lapan item yang merangkumi 7 faktor iaitu keluarga, rakan, guru, jiran, media sosial, politik serta pemimpin agama dan kaum di Ranau, Sabah. Berdasarkan nilai min yang dicatatkan bagi keseluruhan item, min tertinggi dicatatkan oleh item 6 iaitu “Politik yang menggunakan sentiment keagamaan boleh mencetuskan konflik antara penganut agama” dengan nilai min 4.17 dan sisihan piawaian 1.274. Nilai min kedua tertinggi dicatatkan oleh item 7 iaitu “Percanggahan pendapat antara pemimpin agama dan kaum mempengaruhi konflik antara penganut agama” dengan nilai min 3.77 dan sisihan piawaian 1.293. Seterusnya, nilai min ketiga tertinggi dicatatkan oleh item 5 iaitu “Media sosial mempengaruhi saya untuk berpandangan buruk terhadap penganut agama lain” dengan catatan nilai 2.18 dan sisihan piawaian 1.406. Min tertinggi selepas itu dicatatkan oleh item 8 iaitu “Pemimpin agama dan kaum mempengaruhi saya untuk berkonflik dengan penganut agama lain” dengan catatan min 2.08 dan sisihan piawaian 1.351.


Min tertinggi yang seterusnya dicatatkan oleh item 2 iaitu “Rakan mempengaruhi saya untuk berkonflik dengan penganut agama lain” dengan catatan min sebanyak 1.51 dan sisihan piawaian 0.922. Min tertinggi seterusnya dicatatkan oleh item 1 iaitu “Ibu bapa mempengaruhi saya untuk berkonflik dengan penganut agama lain” dengan catatan nilai min 1.48 dan sisihan piawaian 0.964. Seterusnya, nilai min tertinggi dicatatkan oleh item 3 “Guru mempengaruhi saya untuk berpandangan buruk dengan penganut agama lain” dengan catatan min 1.47 dan sisihan piawaian 0.858. Manakala, min terendah yang dicatatkan bagi faktor norma subjektif (persekitaran luar) terhadap konflik antara penganut agama dicatatkan oleh item 4 “Jiran mempengaruhi saya untuk berkonflik dengan penganut agama lain” dengan catatan nilai min 1.41 dan sisihan piawaian 0.816. Berikut merupakan jadual serta graf yang menunjukkan faktor norma subjektif (persekitaran sosial) yang mempengaruhi konflik antara penganut agama khususnya bagi kawasan daerah Ranau, Sabah:

Jadual 2: Pengaruh Norma Subjektif terhadap Konflik antara Penganut Agama di Ranau, Sabah

Item	Perkara	n (%)					MIN	S.P
		STS	TS	TP	S	SS		
1	Keluarga mempengaruhi saya untuk berkonflik dengan penganut agama lain	278 (50.1)	64 (11.5)	16 (2.9)	14 (2.5)	12 (2.2)	1.48	0.964
2	Rakan mempengaruhi saya untuk berkonflik dengan penganut agama lain	263 (48.3)	76 (16.3)	22 (4.0)	15 (2.7)	8 (1.4)	1.51	0.922
3	Guru mempengaruhi saya untuk berpandangan buruk dengan penganut agama lain	268 (48.3)	74 (13.3)	24 (4.3)	13 (2.3)	5 (0.9)	1.47	0.858
4	Jiran mempengaruhi saya untuk bersikap tidak baik dengan penganut agama lain	282 (50.8)	67 (12.1)	21 (3.8)	8 (1.4)	6 (1.1)	1.41	0.816
5	Media sosial mempengaruhi saya untuk berpandangan buruk terhadap penganut agama lain	186 (33.8)	68 (12.3)	42 (7.6)	50 (9.0)	38 (6.8)	2.18	1.406
6	Politik yang menggunakan sentimen keagamaan boleh mencetuskan konflik antara penganut agama	31 (5.6)	21 (3.8)	35 (6.3)	62 (11.3)	235 (42.3)	4.17	1.274
7	Percanggahan pendapat antara pemimpin agama dan kaum mempengaruhi konflik antara penganut agama	34 (6.1)	37 (6.7)	60 (10.8)	106 (19.1)	147 (26.5)	3.77	1.293
8	Pemimpin agama dan kaum mempengaruhi saya untuk berkonflik dengan penganut agama lain	186 (33.5)	87 (15.7)	46 (8.3)	23 (4.1)	42 (7.6)	2.08	1.351

Sumber: Soal Selidik (2023)

Rajah 1: Pengaruh Norma Subjektif terhadap Konflik antara Penganut Agama di Ranau, Sabah



Sumber: Soal Selidik (2023)

Jadual 3: Taburan Pengaruh Norma Subjektif terhadap Konflik antara Penganut Agama mengikut kelompok

Bil	Kelompok	Min	Interpretasi Nilai Min
1	Jiran	1.41	
2	Guru	1.47	
3	Keluarga	1.48	Rendah
4	Rakan	1.51	
5	Pengaruh Pemimpin Agama & Kaum	2.08	
6	Media Sosial	2.18	
7	Percanggahan Antara Pemimpin	3.77	Sederhana
8	Politik	4.17	Tinggi

Sumber: Soal Selidik (2023)

Berdasarkan jadual dan gambar rajah di atas, dapat dilihat dengan jelas bahawa majoriti responden bersetuju bahawa faktor utama yang boleh mempengaruhi konflik antara penganut agama di Ranau, Sabah adalah Politik yang memainkan sentimen keagamaan kerana faktor ini mencatatkan nilai min tertinggi berbanding faktor lain. Faktor politik ini telah mencatatkan nilai min tertinggi dengan catatan min 4.17 dan sisihan piawaian 1.274. Dapatan kajian ini selaras dengan dapatan yang dipaparkan menerusi kajian Yusof (1997) dalam bukunya yang bertajuk, *Politik dan Agama di Sabah*. Dalam karya penulisan beliau memperlihatkan konflik politik di Sabah daripada tahun 1960-an hinggalah tahun 1964 menunjukkan pemimpin menggunakan pelbagai ideologi pada era tersebut. Tetapi apa yang ketara kebanyakan mereka menggunakan pendekatan sentimen agama untuk mengekalkan kuasa politik masing-masing. Apa yang dapat disimpulkan konflik politik di Sabah mengambil dimensi agama dan bukan dimensi kaum seperti yang berlaku di semenanjung. Kedua, kemunculan dominasi kepimpinan politik Kristian di Sabah adalah dirancang dan disokong dari luar oleh dunia Kristian. Konflik politik ini akan membangkitkan perasaan anti-Islam, anti-Melayu dan anti-Semenanjung.

Dapatan temu bual turut menyokong bahawa politik merupakan faktor utama yang mempengaruhi konflik antara penganut agama di Sabah. Majoriti responden kajian ini bersetuju bahawa politik yang memainkan sentimen keagamaan mampu menyebabkan kemunculan konflik di Sabah. Responden menyatakan bahawa, “memainkan sentimen keagamaan mampu mencetuskan konflik kerana di sanalah platform yang boleh digunakan untuk cakap apa yang dia” (Responden 1, 2023). Kenyataan yang sama turut dikeluarkan oleh pemimpin agama Kristian di Sabah bahawasanya “yang paling sensitif apabila sentimen agama yang dipolitikkan. Macam yang saya cakap kalau agama itu dipolitikkan, tidak ada sudah erti itu hukum agama. Memang tidak sesuai untuk dipolitikkan. Jadi kena faham hukum agama masing-masing” (Responden 3, 2023). Kenyataan yang sama turut dikeluarkan oleh pemimpin yang beragama Islam bahawasanya “Orang yang bercakap berlatar belakangkan agama memang boleh mencetuskan konflik. Tapi bila seseorang itu membangkitkan tentang isu syurga dan neraka dalam mengundi tu sebenarnya antara sentimen-sentimen meraih sokongan. Bagi golongan bukan Islam akan menimbulkan reaksi tidak baik. Namun, faktor ini tidak terlalu besar sehingga boleh mencetuskan konflik yang besar” (Responden 5, 2023).

Faktor Percanggahan Antara Pemimpin Agama pula berada pada tahap yang sederhana dalam mempengaruhi konflik antara penganut agama di Sabah dengan mencatatkan nilai min 3.77. Dapatan yang sama turut diperolehi melalui temu bual ke atas pemimpin agama dan kaum di Sabah. Sebahagian responden bersetuju bahawa faktor percanggahan antara pemimpin ini boleh

menimbulkan konflik antara penganut agama dan sebahagian lain tidak bersetuju. Responden yang bersetuju menyatakan bahawa “Memang berselisih faham dan tidak sependapat boleh menyebabkan konflik” (Responden 2, 2023). Menurut responden 3 menyatakan “Memang akan menimbulkan konflik. Tapi bagi mengelakkan hal ini perlunya dialog antara agama serta pemahaman terhadap agama lain dan paling penting ada toleransi” (Responden 3, 2023). Responden 4 turut menyatakan bahawa “Ini memang boleh mencetuskan konflik sekiranya berlaku percanggahan antara pemimpin. Orang-orang kampung pun bising, tidak menerima mana-mana yang tidak kena sama mereka” (Responden 4, 2023).

Manakala, kelompok jiran, keluarga, guru, rakan, pemimpin agama dan kaum serta media sosial hanya memberi pengaruh yang rendah terhadap konflik antara penganut agama di Sabah. Hal ini disebabkan oleh keunikan negeri Sabah yang mempunyai hubungan kekeluargaan yang mempunyai pelbagai anutan agama sehingga membolehkan mereka untuk saling menerima antara satu sama lain serta boleh menjalankan kehidupan secara bersama tanpa timbul sebarang masalah sehingga membolehkan mereka untuk makan bersama dan tinggal bersama walaupun berlainan anutan agama (Adam, 2020). Selain itu, kewujudan budaya jual beli di tamu (pasar) yang diamalkan oleh masyarakat Sabah turut membentuk hubungan persahabatan yang erat dalam kalangan masyarakat pelbagai anutan agama di Sabah yang terbentuk melalui aktiviti perniagaan, jual beli dan ramah mesra antara pelanggan dan pembeli di Tamu. Pertemuan yang biasanya berlaku di tamu boleh membentuk hubungan yang baik sehingga terjadinya persahabatan merentas agama di Sabah melalui aktiviti jual beli seperti sayur-sayuran, buah-buahan, barangan peralatan dapur dan sebagainya (Kurpong & Imang, 2016).

Dapatan Temu Bual

Berdasarkan sesi temu bual yang telah dijalankan ke atas pemimpin agama dan kaum terhadap faktor norma subjektif (persekitaran sosial) yang boleh mempengaruhi konflik antara penganut agama di Ranau, Sabah. Pengkaji mendapati bahawa majoriti responden bersetuju bahawa keluarga bukan faktor konflik antara penganut agama di Ranau, Sabah. Hal ini kerana majoriti informan bersetuju bahawa di Sabah wujudnya keluarga yang mempunyai pelbagai anutan agama yang berbeza dan kehidupan masyarakat sentiasa harmoni tanpa berlakunya perpecahan. Informan 4 turut menyatakan bahawa masyarakat Sabah yang mempunyai pelbagai anutan agama juga boleh duduk serumah dan makan bersama tanpa berlaku sebarang konflik walaupun mempunyai anutan agama yang berbeza-beza. Hal ini membuktikan wujudnya toleransi yang tinggi dalam hubungan kekeluargaan di Sabah khususnya di Ranau.

Seterusnya, majoriti informan turut bersetuju bahawa guru bukanlah pendorong konflik antara penganut agama di Ranau, Sabah. Hal ini kerana Sabah mempunyai sistem persekolahan yang sangat sistematik dan menghormati kepelbagaian yang wujud dalam kalangan masyarakat. Hal ini selaras dengan apa yang diperkatakan oleh informan 1 bahawa di kawasan Bundu Tuhan wujud sekolah yang pelajarannya majoriti Kristian tetapi tetap menghormati pelajar Muslim seperti melibatkan pelajar Muslim dalam aktiviti-aktiviti sekolah dan meminta ustaz untuk memimpin bacaan doa dalam acara rasmi sekolah. Informan 4 turut menyatakan bahawa terdapat guru daripada semenanjung yang datang mengajar di Sabah memilih untuk terus menetap di Sabah dan membuat rumah di kawasan tempat mereka mengajar. Majoriti informan turut bersetuju bahawa guru merupakan ikon pendidik yang mengajar murid untuk saling menghormati antara satu sama lain walaupun mempunyai pegangan agama yang berbeza. Hal ini jelas menunjukkan bahawa guru bukanlah faktor yang mempengaruhi konflik antara penganut agama di Ranau, Sabah.

Seterusnya, pengaruh media sosial. Informan berbeza pendapat mengenai pengaruh media sosial terhadap konflik antara penganut agama di Ranau, Sabah. Informan 3 berpendapat bahawa media sosial tidak mempengaruhi konflik antara penganut agama di Ranau, Sabah kerana ia bergantung kepada penerimaan masing-masing. Manakala, 4 informan bersetuju bahawa media sosial boleh mempengaruhi konflik antara penganut agama berbeza agama di Sabah. Hal ini disebabkan oleh perbuatan kebanyakan orang yang suka berkongsi semua benda di dalam media sosial tanpa memastikan benda yang dikongsikan itu betul ataupun tidak. Informan 5 turut menyatakan tindakan penyebaran ajaran agama yang tidak benar menerusi aplikasi *WhatsApp* seperti perkongsian video agama tentang agama Islam yang tidak benar juga boleh menimbulkan keraguan terhadap penganut agama Islam yang dilakukan oleh penganut agama lain juga antara faktor yang boleh mencetuskan konflik antara penganut agama di Ranau, Sabah. Informan 1 turut mengatakan bahawa bukti secara tangkap layar boleh diambil sekiranya terdapat pihak yang menimbulkan rasa tidak puas hati dalam kalangan penganut agama lain dan pihak yang terlibat boleh dikenakan hukuman denda adat.

Selain itu, pengaruh politik terhadap konflik antara penganut agama di Sabah. Majoriti informan bersetuju bahawa politik yang memainkan sentimen keagamaan boleh mencetuskan konflik antara penganut agama di Ranau, Sabah. Informan 1 mengatakan politik merupakan platform yang digunakan untuk mempengaruhi orang lain. Sedangkan informan 2 mengatakan politik tidak boleh bercampur aduk dengan agama kerana terdapat pihak yang ekstrem dalam beragama sehingga menimbulkan rasa tidak puas hati dalam kalangan penganut agama lain. Manakala, informan 3 bersetuju bahawa agama tidak sesuai untuk dipolitikkan kerana apabila agama dipolitikkan hukum agama sudah tidak mempunyai erti. Bahkan informan 4 turut bersetuju bahawa politik yang menyentuh sentimen keagamaan memang wujud di tempat kita tetapi ia tidak berapa ketara. Sedangkan informan 5 berpendapat orang yang berlarat belakangan orang yang beragama Islam dan dia bercerita tentang agama Islam. Sudah tentu masyarakat yang beragama Kristian akan berasa terancam.

Selain daripada itu, aspek percanggahan pendapat antara pemimpin agama dan kaum. Informan 1 dan 5 bersetuju bahawa percanggahan antara pemimpin agama dan kaum tidak mempengaruhi konflik antara penganut agama di Sabah. Manakala, informan 2, 3 dan 4 bersetuju bahawa pemimpin agama dan kaum boleh mempengaruhi konflik antara penganut agama di Ranau, Sabah. Informan 1 berpendapat bahawa percanggahan antara pemimpin biasanya membawa kepada perbincangan yang lebih baik untuk mencapai penyelesaian. Sedangkan informan 5 berpendapat percanggahan antara pemimpin yang biasa berlaku di Ranau tidak akan berlarutan, paling lama isu ini berbangkit hanya selama 3 hari sahaja. Manakala informan 2 dan 3 berpendapat bahawa perselisihan boleh membawa kepada konflik yang besar sekiranya ia berlarutan dan memerlukan dialog antara agama untuk mencapai penyelesaian yang sepatutnya.

Seterusnya, pengaruh pemimpin agama dan kaum terhadap konflik antara penganut agama di Ranau, Sabah. Majoriti informan bersetuju bahawa pemimpin agama dan kaum tidak mempengaruhi konflik antara penganut agama di Ranau, Sabah. Informan 3 berpendapat bahawa di Ranau belum ada pengaruh pemimpin dan kaum terhadap konflik antara penganut agama yang betul-betul menonjol, sekiranya ada pengaruhnya terlalu kecil. Sedangkan informan 2 mengatakan pemimpin-pemimpin di Ranau, Sabah berperanan untuk membantu menyelesaikan masalah yang timbul dalam kalangan masyarakat Ranau, Sabah terutama dalam hal yang melibatkan adat istiadat. Sedangkan informan 5 berpendapat bahawa pengaruh pemimpin agama dan kaum terhadap konflik antara penganut agama adalah terlalu kecil dan hanya dilakukan oleh golongan yang mempunyai kepentingan mereka sendiri sahaja. Informan

3 turut berpendapat bahawa masalah komunikasi adalah punca utama dalam mempengaruhi konflik antara penganut agama. Seterusnya, informan 3 berpendapat bahawa kefahaman terhadap agama yang dianuti dan kefahaman terhadap agama lain.

Jadual 4: Pandangan Pemimpin Agama dan Kaum terhadap Faktor Konflik antara Penganut Agama di Ranau, Sabah

Tema	Hasil	Maklumat	Informan
Keluarga	Bukan Faktor Konflik	Keluarga yang mempunyai pelbagai anutan agama bukan faktor konflik agama di Sabah. Hal ini membuktikan bahawa toleransi antara agama di Sabah tinggi.	P1
		Belum ada kes keluarga berbeza agama sehingga memecahbelahkan antara penganut agama di kawasan Ranau. Lagipun di sini wujud yang dalam satu keluarga berlainan agama.	P2
		Keluarga bukan pencetus konflik agama di Sabah sebab wujud keluarga yang ada pelbagai anutan agama. Jadi mereka saling hormat.	P3
		Sini wujud keluarga yang mempunyai pelbagai anutan agama tapi boleh makan dan tinggal bersama. Tidak jadi masalah.	P4
		Keluarga bukan punca konflik sebab sikap hormat-menghormati. Lagipun di sini wujud keluarga yang mempunyai pelbagai anutan agama	P5
		Guru	Bukan Faktor Konflik
Sistem persekolahan di sini sangat baik. Bahkan Guru mengajar murid untuk saling hormat menghormati antara satu sama lain.	P2		
Apa yang saya lihat di Sabah ini, Guru salah satu sumber penyatuan antara pelajar yang berbeza agama di sekolah.	P3		

		Guru di sini sangat memahami dan saling bekerja sama walaupun berbeza agama dan kepercayaan.	P4
		Kalau sini saya rasa belum pernah berlaku, sedangkan yang orang semenanjung yang pernah mengajar sini dia lebih suka keadaan sini. Haro negi awu gumuli hilo kampung. Haro negi da momonsoi walai hiti.	P5
Media Sosial	Bukan Faktor Konflik	kita ambil sebagai positif dia tidak akan menimbulkan sensitiviti. Tetapi kalau kita ambil dia sebagai negatif, ya memang boleh mempengaruhi konflik.	P3
	Faktor Konflik	Konflik boleh berlaku bila orang yang tidak faham mahu mengulas benda-benda yang tidak sepatutnya. Jika berlaku perkara ini hanya perlu membawa bukti secara tangkap layar dan orang yang terlibat boleh dikenakan denda adat sebab menimbulkan kemarahan.	P1
		Ada orang yang suka berkongsi maklumat yang tidak tepat menerusi aplikasi <i>Whatsapp</i> . Jadi orang lain hanya menerima apa yang disampaikan, tanpa usul periksa akan kebenaran maklumat yang dikongsi	P2
		Kebanyakan orang sekarang suka berkongsi semua benda melalui media sosial. Kalau orang yang tidak faham, mudah untuk salah sangka. Lagi-lagi dalam kalangan orang-orang muda.	P4
		Penyebaran tentang ajaran agama yang tidak benar secara atas talian sehingga boleh mempengaruhi kepercayaan orang lain terhadap agama kita dan juga boleh menimbulkan keraguan terhadap penganut agama kita sendiri terhadap Islam, ada yang terpengaruh dengan video yang disebar.	P5
Politik	Faktor Konflik	Memainkan sentimen keagamaan juga mampu mencetuskan konflik kerana di sanalah platform yang boleh digunakan untuk cakap apa yang dia mau.	P1
		Politik yang memainkan sentimen keagamaan boleh mencetuskan konflik sebab sepatutnya politik tidak boleh campur aduk dengan agama. Kebiasaannya, ada pihak yang terlalu ekstrem dalam beragama sehingga	P2

		menyebabkan rasa tidak puas hati dalam kalangan penganut agama lain.	
		Itu yang paling sensitif. Sentimen agama yang dipolitikkan. Macam yang saya cakap kalau agama itu dipolitikkan, tidak ada sudah erti itu hukum agama. Memang tidak sesuai untuk dipolitikkan. Jadi kena faham hukum agama masing-masing.	P3
		Tapi kalau tempat kita, jarang berlaku perkara yang boleh menyentuh sentimen keagamaan. Kalau ada pun, tidak dihebohkan dan tidak ketara	P4
		Orang yang bercakap berlatar belakang agama memang boleh mencetuskan konflik. Tapi bila seseorang itu membangkitkan tentang isu syurga dan neraka dalam mengundi tu sebenarnya antara sentimen-sentimen meraih sokongan. Bagi golongan bukan Islam akan menimbulkan reaksi tidak baik. Namun, faktor ini tidak terlalu besar sehingga boleh mencetuskan konflik yang besar.	P5
Percanggahan Pendapat antara pemimpin Agama dan Kaum	Bukan Faktor Konflik	Apabila perbincangan melibatkan isu sensitif. Situasi akan menjadi panas juga disebabkan berbeza pandangan antara satu sama lain. sebenarnya bukan timbul konflik, tetapi membawa ke arah perbincangan yang lebih baik dan boleh mencari jalan penyelesaian yang bersesuaian yang boleh membawa perdamaian.	P1
		Ohh, memang sukar untuk kita mahu terima bila ada pemimpin bercakap tentang agama orang lain yang diucap dalam bentuk sindiran, tetapi kita faham. Kalau terkeluar pun, paling lama bertahan dalam tempoh 3 hari sahaja selesai. Ini bermakna negeri kita ini dia punya sikap toleransi yang tinggi.	P5
	Faktor Konflik	Memang berselisih faham dan tidak sependapat boleh menyebabkan konflik.	P2
		Memang akan menimbulkan konflik. Tapi bagi mengelakkan hal ini perlunya dialog antara agama serta pemahaman terhadap agama lain dan paling penting ada toleransi.	P3

		Ini memang boleh mencetuskan konflik sekiranya berlaku percanggahan antara pemimpin. Orang-orang kampung pun bising, tidak menerima mana-mana yang tidak kena sama mereka.	P4
Pengaruh Pemimpin Agama dan Kaum	Bukan Faktor Konflik	Setakat ini, mungkin ada juga konflik yang berbangkit disebabkan oleh pengaruh pemimpin agama atau pemimpin kaum. Tetapi tidak berapa ketara sebab bergantung juga macam mana penerimaan orang. Lain orang lain.	P1
		Pemimpin biasanya memainkan peranan dalam membantu untuk menyelesaikan konflik. Di tempat kita, belum lagi ada saya dengar pemimpin pengaruh berlaku konflik.	P2
		Biasanya kalau di Ranau belum ada yang betul-betul menonjol. Mungkin dalam politik ada juga tetapi itu belum menonjol.	P3
		Tugas nepe pemimpin hiti nga membantu doh manyalasai nunu nepe isu berbangkit dalam kalangan masyarakat.	P4
		Setiap pemimpin ini mempunyai peranan penting dalam menjaga keharmonian dan kedamaian sesebuah masyarakat. Adapun pengaruh mungkin tidak terlalu besar. Biasanya yang ada kepentingan saja buat begitu.	P5

Sumber: Temu Bual (2023)

Berdasarkan jadual di atas, dapat dilihat dengan jelas bahawa majoriti informan bersetuju bahawa faktor utama yang mempengaruhi konflik antara penganut agama di Ranau, Sabah adalah politik yang memainkan sentimen keagamaan. Dapatan yang sama turut diperolehi melalui soal selidik kajian ini yang telah diedarkan kepada penganut agama Islam dan Kristian di Ranau, Sabah. Penganalisis politik Awang Azman Awang Pawi turut mengatakan kerakusan parti politik Semenanjung untuk mendapat tempat di Sabah juga mewujudkan ketidakstabilan Politik di negeri tersebut kerana wujudnya campur tangan kuasa luar dalam bidang kuasa di Sabah (Arifin, 2020).

Seterusnya, majoriti informan turut bersetuju bahawa media sosial juga boleh mempengaruhi konflik antara penganut agama di Ranau, Sabah dalam konteks masa kini. Hal ini disebabkan oleh penyalahgunaan media sosial dalam kalangan anak muda sehingga boleh menimbulkan pertelingkahan dalam salah faham dalam kalangan penganut berbeza agama. Buktinya, pernyataan yang dikeluarkan oleh pakar Deradikalisasi iaitu Ahmad El Muhammady Muhammad Uthman berkenaan perdebatan yang tiada henti terutama menerusi platform media sosial yang menyentuh isu sensitif seperti kaum dan agama yang mengundang situasi kurang harmoni di negara ini. Hal ini disebabkan oleh sikap segelintir netizen yang lebih senang menzahirkan perselisihan faham berkaitan sesuatu isu di laman sosial tanpa mengambil kira

kesannya. Ia juga membuka ruang kepada pelampau, tidak mengira agama untuk mengeksploitasi isu sekaligus menzahirkan tindakan radikal (Hassan, 2019).

Rumusan Faktor Konflik antara Penganut Agama di Sabah

Berdasarkan hasil yang diperolehi daripada soal selidik dan temu bual terhadap pemimpin agama dan kaum tentang faktor norma subjektif (persekitaran sosial) yang mempengaruhi konflik antara penganut agama di Ranau, Sabah. Dapat disimpulkan bahawa faktor utama yang boleh mencetuskan konflik antara penganut agama di Ranau, Sabah adalah politik yang memainkan sentimen keagamaan sehingga menimbulkan rasa tidak puas hati dalam kalangan penganut berbeza agama di Sabah. Selain itu, percanggahan antara pemimpin agama dan kaum juga boleh mempengaruhi kemunculan konflik antara penganut agama di Ranau, Sabah sekiranya ia berlarutan dan tidak diselesaikan dengan cara yang baik. Namun faktor seperti keluarga, rakan, jiran, pengaruh pemimpin agama dan kaum dilihat hanya memberi pengaruh yang rendah terhadap konflik antara penganut agama di Ranau, Sabah kerana tidak begitu ketara dan sehingga tidak memberi impak terhadap kehidupan masyarakat.

Berdasarkan perbincangan di atas, tidak dinafikan bahawa faktor-faktor konflik beragama yang muncul dalam hubungan Muslim-Kristian masyarakat Kadazandusun, Ranau, Sabah ini mempunyai gabungan pengaruh agama dan kaum dan ia bersifat tempatan. Sebagai cadangan awal penyelesaian ini, artikel mencadangkan agar isu-isu yang muncul diselesaikan dengan pendekatan pengurusan pertikaian secara alternatif terlebih dahulu kerana menjadi kaedah yang popular dalam kalangan pihak yang berkonflik untuk menyelesaikan pertikaian khususnya bagi mengelak kaedah kehakiman yang lazimnya mengambil masa yang panjang serta melibatkan kos yang tinggi (Ishak & Rahman, 2022: 298). Ini kerana Masyarakat di Sabah lebih mempercayai ketua bagi kaum setempat kerana mereka lebih memahami situasi dan adat kawasan mereka. Menurut Rahman et al. (2024: 138) pelbagai bentuk cara pelaksanaan pertikaian alternatif boleh dipilih mengikut sama ada melalui Rundingan, Mediasi atau Arbiterasi terlebih dahulu. Antara elemen yang perlu dilihat untuk memilih pendekatan alternatif ini adalah tertakluk kepada antaranya seperti: isu yang muncul; kesediaan pihak yang bertikai; kos dan masa; tahap kerahsiaan; kemampuan orang tengah mengawal keputusan; peratus penyelesaian isu; serta proses yang fleksibel (Rahman et al., 2024: 142-143).

Pendekatan Pengurusan Pertikaian Alternatif (ADR) ini dilihat penting kerana ia lebih mudah diterima oleh komuniti setempat yang cenderung menaruh kepercayaan kepada pemimpin mereka sendiri dan turut menawarkan penyelesaian yang lebih cepat, menjimatkan kos, serta bersifat fleksibel berbanding mekanisme perundangan formal. Pada masa yang sama, pendekatan ini membantu mengekalkan tahap kerahsiaan dan mengawal ketegangan sosial, sekali gus mengurangkan risiko konflik daripada menjadi lebih serius. Justeru, ADR berpotensi untuk menghasilkan penyelesaian yang lebih harmoni dan berkesan kerana ia mengambil kira sensitiviti serta norma budaya setempat.

Kesimpulan

Kajian yang telah dijalankan berkenaan dengan faktor norma subjektif dalam mempengaruhi konflik antara penganut agama di Ranau, Sabah jelas memperlihatkan kepada kita bahawa politik merupakan pengaruh terbesar yang boleh mencetuskan konflik khususnya dalam kalangan masyarakat Kadazandusun di daerah Ranau. Oleh itu, bagi mengelakkan daripada timbulnya konflik dalam kalangan penganut agama Islam dan Kristian di Ranau, Sabah yang boleh membawa kepada perpecahan tidak boleh melibatkan unsur keagamaan dalam berpolitik serta mengelakkan daripada menggunakan unsur keagamaan ketika berpolitik. Selain itu,

penggunaan media sosial juga hendaklah dikawal dengan sebaik mungkin kerana pada era moden ini media sosial sering dijadikan medium dalam menyebarkan perkara-perkara yang tidak sah dan medium pergaduhan yang boleh menimbulkan salah faham terutama dalam kalangan anak muda masa kini.

Penghargaan

Sekalung penghargaan kepada Tabung Agihan Penyelidikan UKM TAP-K016581 yang mendanai pembiayaan penerbitan artikel ini dan Geran Penyelidikan FRGS 1/2025/SS013/UKM/02/4 'Pembinaan Garis Panduan Isu-Isu Perpaduan Agama dan Kaum dalam Agenda keharmonian Malaysia' yang membantu pendanaan pengumpulan data hasil akhir dapatan kajian ini.

Rujukan

- Adam, S. D. S. (2020). Pengaruh budaya dalam keharmonian etnik di Sabah. Kertas Kerja Persidangan Antarabangsa Sains Sosial dan Kemanusiaan ke-5 (PASAK5 2020). Dalam Talian, 24 & 25 November.
- Ahmad, J. (2002). Pemupukan budaya penyelidikan di kalangan guru di sekolah: Satu penilaian. Tesis Dr. Fal. Fakulti Penyelidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ajzen, I. (1991). The theory of planned behaviour. *Organizational Behavior and Human Decision Process*, 50(2), 179-211.
- Anon. (2015). Kurang fahami agama lain punca protes di Taman Medan - Paul. *Astro Awani*. <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/kurang-fahami-agama-lain-punca-protes-di-taman-medan-paul-58575>
- Arifin, L. (2020). Pemimpin, parti semenanjung ganggu politik Sabah. *Berita Harian Online*. <https://www.bharian.com.my/berita/masiomal/2020/09/736208/pemimpin-parti-semenanjung-ganggu-politik-Sabah> [akses 14 Mac 2026].
- Asri, A. (2017). Sekolah tarik balik larangan pakai sari bagi sambutan raya. *Free Malaysia Today*. <https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/2017/07/13/sekolah-tarik-balik-larangan-pakai-sari-bagi-sambutan-raya> [akses 16 Mac 2026].
- Bakar, A. B. (2018). Penganjur mohon maaf silap hidangan wartawan Islam. *Malaysia Today*. <https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/2018/07/12/penganjur-mohon-maaf-silap-hidangan-daging-babi-kepada-wartawan-islam-hindu/> [akses 22 Februari 2026].
- Buku Tahunan Perangkaan Sabah 2021*. (2022). Jabatan Perangkaan Malaysia, Negeri Sabah. Kota Kinabalu: Jabatan Perangkaan Malaysia, Negeri Sabah.
- Chee, L. C., Lin, C. Y., Kuthiah, Y., Charles, H. S. A., Tarmuzi, M. T., Andderia, A. & Yusuff, N. A. (2021). Punca dan cara penyelesaian isu sensitiviti kaum dan agama di Malaysia dengan mengambilkira pandangan belia. *e-Prosiding Wacana Perpaduan Kalangan Belia PKP* 2.0, hlm. 58-64. <http://myscholar.umk.edu.my/bitstream/123456789/3022/1/WP%20PKP%202%20k%208.pdf>
- Fishbein, M. & Rhodes, F. (1997). Using behavior theory in HIV prevention. Dlm. Corby, N. H. & Wolitski, R. J. (pnyt.). *Community HIV Prevention: The Long Beach AIDS Community Demonstration Project*, hlm. 21-30. Long Beach, CA, CSULB University Press.
- Han, Y. S. (2021). Pasar raya perlu sensitif keperluan pelbagai agama. *Utusan Borneo Online*. <https://www.utusanborneo.com.my/2021/06/07/pasar-raya-perlu-sensitif-keperluan-pelbagai-agama> [akses 6 Februari 2023].

- Hassan, M. S. (2019). Punca utama konflik adalah sikap. *My Metro: Kafe Ahad*. <https://www.hmetro.com.my/utama/2019/11/513597/punca-utama-konflik-adalah-sikap-metrotv> [akses 14 Mac 2026].
- Ishak, S. F. & Rahman, N. F. A. (2022). The concept of mediation in alternative dispute resolution (ADR) and its implementation against religious conflict management. *International Journal of Advanced Research*, 10(7), 292-298.
- Jabatan Perangkaan Malaysia. 2020. *Taburan Penduduk dan Ciri-ciri Asas Demografi*. Putrajaya: Jabatan Perangkaan Malaysia.
- Johari, F. (2015). Rangkuman penuh isu salib gereja Taman Medan yang dikecam rakyat Malaysia. *Says*. <https://says.com/my/seismik/rangkuman-penuh-isu-salib-gereja-taman-medan-yang-dikecam-rakyat-malaysia> [akses 26 Mac 2026].
- Kib, M. Z. M. (2002). *Kristian di Sabah, 1881-1994*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Kirwan, N. S., Hassan, M. M., Anwar, F. H., Khir, A. M. & Jaafar, W. M. W. (2021). Faktor sosialisasi dalam mempengaruhi tingkah laku individu. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities*, 6(1), 106-118.
- Kurpong, F. & Imang, U. (2016). Tamu dan pembangunan luar bandar: Isu dan prospek. *Geografi*, 4(1), 56-68.
- Mayudin, A. (2024). Isu hina pakaian tradisional kaum Iban Sarawak, Ryzal Ibrahim didenda RM10,000 “Alhamdulillah, semuanya susah selesai”. *Gempak*. <https://gempak.com/berita-terkini/isu-hina-pakaian-tradisional-kaum-iban-sarawak-ryzal-ibrahim-didenda-rm10000-alhamdulillah-semuanya-sudah-selesai-86310> [akses 12 Mac 2026].
- Mohad, A. H., Karulus, Y., Damit, S. A., Esa, M. S., Sansalu, S., Mokhtar, R. A. M., Talib, A. T. & Gill, S. S. (2015). Memahami sikap masyarakat Kristian terhadap masyarakat Islam di Sabah: Pasca isu larangan menggunakan kalimah Allah. *Proceedings International Conference on Empowering Islamic Civilization*, hlm. 516-527.
- Mustadi, A. H. (2022). Polis tahan lelaki ceroboh dan rosakkan gereja di Keningau. *Astro Awani*. <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/polis-tahan-lelaki-ceroboh-dan-rosakkan-gereja-di-keningau-370075?amp=1> [akses 8 Februari 2023].
- Noh, N. C. (2021). Potong daging babi di tempat potong ayam, polis terima 6 laporan. *Harian Metro*. <https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2021/03/680198/potong-daging-babi-di-tempat-potong-ayam-polis-terima-6-laporan> [akses 20 Mac 2026].
- Rahman, N. F. A., Awang, J. & Dollah, S. R. (2024). The management of religious dispute in Malaysia through alternative dispute resolution. *Bitara International Journal of Civilizational Studies and Human Science*, 7(4), 133-146.
- Rhodes, R. E., Plotnikoff, R. C. & Courneya, K. S. (2006). Predicting physical activity intensity-behavior profiles of adopters and maintainers using three social cognition models. *Annals of Behavioral Medicine*, 36(3), 244-252.
- Sinar Harian*. (2021). Dakwaan azan subuh ganggu tidur, ADUN buat laporan polis.. <https://www.sinarharian.com.my/article/145202/berita/semasa/dakwaan-azan-subuh-ganggu-tidur-adun-buat-laporan-polis> [akses 30 Mac 2026].
- Sintang, S. (2003). Penganutan agama Islam dan Kristian di kalangan masyarakat Kadazandusun di Sabah. *Jurnal Usuluddin*, 18, 59-80.
- Suhaini, N. A. (2017). PAS buat laporan polis ke atas Siti Kassim. *Berita Harian*. <https://www.bharian.com.my/nerita/kes/2017/09/330476/pas-buat-laporan-polis-ke-atas-siti-kassim> [akses 30 Mac 2026].
- Tahir, M. I. I. (2021). Isu azan: penduduk mengadu surau tak dibenar guna pembesar suara. *Sinar Harian*. <https://www.sinarharian.com.my/articel/134641/EDISI/Isu-azan-penduduk-mengadu-asuara-tak-dibenar-guna-pembesar-suara> [akses 1 Mac 2026].

- Yusin, M. (1990). *Islam di Sabah*. Kuala Lumpur: Dewan Pustaka dan Bahasa.
- Yusof, I. (1997). *Politik dan Agama di Sabah*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Zakinan, N. F. (2018). Hidangan babi di meja media, pengajur tidak sensitif. *Berita Harian*.
<https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2018/07/448313/hidangan-babi-di-meja-media-penganjur-tidak-sensitif> [akses 22 Mac 2026].
- Zulkiffly, Z. (2021). Replika lembu memakai sampung, songkok diturunkan. *Harian Metro*.
<https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2015/05/705075/replika-lembu-memakai-sampung-songkok-diturunkan> [akses 2 Mac 2026].

Temu Bual

- Informan P1. (2023). Dominic Gamic. Ketua Anak Negeri (KAN). 18 September.
- Informan P2. (2023). Muridin Bin Jupin. Ketua Kampung Cinta Mata & Pinousuk. 22 September.
- Informan P3. (2023). Clarice Juin Samin. Katekis Gereja. 25 September.
- Informan P4. (2023). Sokuil Bin Ladsau. Ketua Balai Adat Kampung Bundu Tuhan. 26 September.
- Informan P5. (2023). Mohd Nordin Azmain Bin Abd Salam. Pembantu Hal Ehwal Islam (Pembantu Dakwah). 15 Oktober.